

NewBorn



Thaqif Iman Nafis Bin Razi

D.O.B: 3 August 2007
Baby Of: Razi Ahmad
(Teaching Engineer)



Aisha Aleya Binti Khairul Nizar

D.O.B: 4 November 2007
Baby Of: Dr Khairul Nizar Ismail (Dean)



Wan Nur Syahirah Wan Mohd Sabki

D.O.B : 12 November 2007
Baby Of: Wan Mohd Sabki Wan Omar
(Lecturer)



Alyaa Naimah Binti Nazery Rosmady

D.O.B: 15 November 2007
Baby Of: Nazery Rosmady Rahmat
(Teaching Engineer)



Selamat Pengantin Baru



1 September 2007

Nama: Roslaili Abdul Aziz
(Pensyarah, PPKAS)
Nama Pasangan : Mohd Nazery Salleh
(Tutor, PPK Bahan)



10 November 2007

Nama: Abdul Haqi Bin Ibrahim
(Pengerusi Rancangan, PPKAS)
Nama Pasangan : Ayu Wazira Azhari
(Pensyarah, PPKAS)



8 Disember 2007

Nama : Salwa Mohd Zaini Makhtar
(Pensyarah PPKAS)
Nama pasangan : Mohammad Tamizi Selimin (PLV PPK Bahan)



JUL - DIS 2007



Universiti Malaysia Perlis
ENVIRONMENTAL ENGINEERING

Buletin Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar • Bulletin for the School of Environmental Engineering



EDISI 3

Menarik di dalam

ICoSM 2007
PPKAS on the Move
Usage of Green Composite
Research Grant 2007
Lawatan Delegasi UNEP

PPKAS ON THE MOVE

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat
Teaching Engineer

PPKAS General and Lecturer Office has moved closer to its laboratory and teaching facilities. In August 2007, the PPKAS staff shifted to a new block still within the Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3 vicinity. This administration building was newly renovated and formerly unoccupied when UniMAP converted this complex into a 'teaching factory' in early 2006.

Dr. Khairul Nizar Ismail, the dean of PPKAS, says the department's move adjacent to the laboratory and teaching facilities will help PPKAS continue to grow. "We hope to be able to connect with our laboratory and teaching facilities and most important, the students in a new way," said Dr. Khairul Nizar.

Phone numbers and e-mail addresses for PPKAS General and Lecturer Office will remain the same except for the phone numbers for the lecturers (see our website at www.unimap.edu.my for details). Students and visitors are welcome to stop by at our office to meet with the staff as necessary.

"The new PPKAS General Office and Lecturer Office is going to be a flagship building, and we are excited about our move here," Dr. Khairul Nizar added.



PPKAS DI PESTA KONVOKESYEN UniMAP KE-2

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat
Jurutera Pengajar

PPKAS telah mengambil bahagian sepanjang Pesta Konvokesyen UniMAP Kedua melalui kiosk promosi pusat pengajian dan jualan. Pesta ini berlangsung dari 12 sehingga 18 Ogos 2007 bertempat di Tapak Pesta Konvokesyen Kampung Wai, Kuala Perlis. Peluang ini telah digunakan oleh Persatuan Pelajar PPKAS sebagai salah satu aktiviti pengisian persatuan.

Kiosk promosi dan jualan yang dibuka dari pagi sehingga malam ini telah diuruskan oleh para ahli persatuan pelajar sendiri dengan bimbingan wargakerja PPKAS. Pelbagai barangan jualan disediakan untuk para pengunjung pesta konvokesyen, antaranya keropok lekor, rojak, kerepek dan barang perhiasan. Hasil jualan ini digunakan untuk menajana kewangan bagi pelbagai aktiviti persatuan pelajar di masa hadapan.

Walaupun ini merupakan julung kalinya Persatuan Pelajar PPKAS menjalankan aktiviti jualan, sambutan yang diterima amatlah menggalakkan. Di samping itu, kiosk promosi pusat pengajian juga tidak putus menerima kunjungan daripada para pengunjung khususnya golongan ibubapa dan bakal penuntut institusi pengajian tinggi yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang kursus yang ditawarkan di PPKAS.

Sempena pesta konvokesyen itu juga, PPKAS telah menghantar satu pasukan untuk menyertai acara Pertandingan Paint Ball. Pasukan yang terdiri daripada lima wargakerja lelaki telah berjaya memberi saingan sehingga ke peringkat separuh akhir dalam pertandingan yang diadakan pada hari kelima dan keenam pesta.



Oleh : Suzyyana Saafi Soo
Pembantu Tadbir

Ruangan Personaliti Pilihan kali ini menampilkan seseorang yang mempunyai banyak pengalaman di dalam setiap bidang yang diceburi beliau dan memilih kerjaya sebagai seorang pensyarah di PPKAS setelah bersara sebagai Pengerusi Eksekutif BIEN Gemilang Sdn. Bhd. Beliau yang dimaksudkan ialah Profesor Madya Dato' Dr. Kamarudin Bin Mohd Nor.

Lebih dikenali sebagai Dato' KQ, beliau dilahirkan pada tahun 1948. Mendirikan rumah tangga dengan isteri yang kini dikenali sebagai Datin Wan Norisah Bt. Wan Ishak dan dikurniakan tiga orang cahayamata. Atas jasa dan bakti beliau, Dato' Dr. Kamarudin telah dianugerahkan tiga pingat dan darjah kebesaran iaitu, Darjah Setia Di Raja Kedah (DSDK) dengan gelaran Dato', Ahli Mahkota Kedah (AMK) dan Pingat Jaksa Kebaktian (PJK) Pulau Pinang.

Berikut adalah temubual Buletin Environ (BE) bersama PM Dato' Dr. Kamarudin atau Dato' KQ.

BE : Assalamualaikum wbt. Terima kasih kerana Dato' sudi meluangkan masa bersama BE. Bolehkah Dato' ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan ?

Dato' KQ : Waalaikummussalam wbt. Saya memulakan pendidikan rendah di Sekolah Melayu Seberang Perak (Lelaki) Alor Setar dari tahun 1955 hingga 1958 sebelum ke St. Michael's Primary School, Alor Setar dari tahun 1959 hingga 1961. Mendapat pendidikan menengah di St. Michael's Secondary School, Alor Setar dari tahun 1962 hingga 1966. Pada tahun 1967, saya meneruskan pendidikan menengah di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar sehingga tahun 1968.

Pada tahun 1972, saya melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia selama lima tahun dan memperoleh BSc (Hons) HBP (Architecture). Pada tahun 1978 hingga 1979, saya berada di Heriot-Watt University

Edinburgh, Scotland untuk mendapatkan MSc (Construction Management). Pada tahun 1991, saya melanjutkan pelajaran ke University of Wales selama 5 tahun dan berjaya memperoleh PhD dalam bidang Architecture pada tahun 1995.

BE : Apakah pengalaman Dato' sebelum menjajakkan kaki ke UniMAP ?

Dato' KQ : Saya memulakan kerjaya sebagai Pengurus Besar Syarikat Peruda Kedah Sdn. Bhd. (anak syarikat UDA) dari Jun 1976 hingga September 1978. Dari Januari 1980 hingga Jun 1997, saya bertugas sebagai Pensyarah Kanan (Profesor Madya) dan pernah menjadi Dekan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan (HBP) di Universiti Sains Malaysia. Saya juga pernah menyandang jawatan Pengarah Urusan Bina Darulaman Bhd. dari Julai 1997 hingga Ogos 1998. Pada September 1998 hingga September 2000, saya bertugas sebagai Pengurus Besar di Construction Industry Development Board (CIDB) Malaysia.

Saya pernah bertugas sebagai Pengarah Jabatan Penuntut-Penuntut Malaysia United Kingdom dan Ireland dan juga sebagai Menteri Penasihat (Pendidikan) Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom dari Oktober 2000 hingga Ogos 2004. Sekembali dari United Kingdom, saya bertugas sebagai Pengerusi Eksekutif BIEN Gemilang Sdn. Bhd. dari tahun 2005 hingga September 2006.

BE : Adakah Dato' juga menganggotai pertubuhan profesional ?

Dato' KQ : Ya, saya juga melibatkan diri dalam beberapa badan seperti The Institution of Surveyors Malaysia sebagai Fellow, The Royal Institute of Chartered Surveyors sebagai fellow, The Association of Building Engineers England sebagai ahli dan The Chartered Institute of Arbitration England juga sebagai ahli.

BE : Bilakah tarikh Dato' mula menjajakkan kaki ke UniMAP dan apakah jawatan yang disandang ?

Dato' KQ : Saya mula bertugas di UniMAP pada 2 Oktober 2006. Bertugas sebagai pensyarah di PPKAS dan menyandang jawatan Penyelaras di Unit Kualiti UniMAP.

BE : Adakah Dato' ada menjalankan sebarang penyelidikan ?

Dato' KQ : Saya kini giat menyelidik tentang Pembangunan Lestari dan 'Green Building'. Saya juga pernah menjadi ketua penyelidik perumahan kos Rendah anjuran USM, Universiti of Wales Cardiff dan The British Building Research Institute. Selain dari itu, saya juga pernah menjadi penyelaras keselamatan sekolah-sekolah di Malaysia anjuran USM, UTM dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

BE : Apakah strategi Dato' untuk melihat kejayaan para pelajar ?

Dato' KQ : Sebagai pensyarah, saya sentiasa menganggap pelajar sebagai kawan dan bersedia membimbing mereka ke arah kejayaan. Para pelajar haruslah ikhlas, tekun dan sanggup bekerja kuat dan bijaksana. Selain dari itu, pelajar juga haruslah kreatif dan inovatif.

BE : Apakah harapan Dato' terhadap PPKAS ?

Dato' KQ : Saya ingin melihat PPKAS menjadi sebuah pusat pengajian yang unggul dan dihormati.

BE : Prinsip hidup Dato' ?

Dato' KQ : Ikhlas di dalam semua hal dan berjuang ke arah kecemerlangan. Belajarlah sehingga ke akhir hayat.

BE : Akhir sekali, mengapakah Dato' berminat untuk berkhidmat di UniMAP ?

Dato' KQ : Saya tertarik dengan konsep sebuah universiti yang menekankan kepada amalan seimbang dengan teori. Di masa kini dan hadapan, industri lebih mementingkan graduan yang mempunyai kepakaran dan tersedia untuk menjalankan tugas tanpa perlu latihan tambahan. Sebagai sebuah universiti baru, ia banyak hadapi cabaran dan ingin sama-sama berjuang ke arah ini.

BE : Terima kasih Dato' kerana sudi meluangkan masa untuk Buletin Environ.

Dato' KQ : Sama-sama.

Edisi 3
Jul - Dis 2007

Penaung

Dr. Khairul Nizar
Ismail



Ketua Pengarang

Nor Innar Md Nor



Pengarang

Ragunathan
Santiago



Pengarang

Norazian Mohamed
Noor



Pengarang

Salsuwanda Dato'
Selamat



Pengarang

Suzyyana Saafi Soo



Sidang Redaksi

Terbitan

Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3
Universiti Malaysia Perlis
02600 Jejawi, Perlis
Tel: 604-979 8626 Fax: 604-979 8636
E-mel: dean_environmental@unimap.edu.my
www.unimap.edu.my

MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN DELEGASI UNITED NATION ENVIRONMENT PROGRAMME

Oleh : Norazian Mohamed Noor
Pensyarah

Pada 23 Ogos 2007, satu makan malam telah diadakan di Hotel Parkroyal, Pulau Pinang. Majlis makan malam itu dianjurkan bagi meraikan delegasi *United Nation Environment Programme (UNEP)* yang bermesyuarat di Hotel Parkroyal bermula dari 22 Ogos sehingga 30 Ogos. Seramai 25 panel pakar dalam bidang penipisan ozon dan perubahan cuaca daripada seluruh dunia bermesyuarat dan hasil daripada mesyuarat tersebut akan dilaporkan kepada Pejabat Montreal Protokol untuk dipertimbangkan.

Mesyuarat UNEP kali ini telah dikoordinasi oleh Prof. Dr. Mohammad Ilyas selaku salah seorang panel UNEP dan beliau juga merupakan pensyarah pelawat bagi program kejuruteraan alam sekitar, UniMAP. Majlis makan malam ini diadakan dengan harapan dapat membina jalinan persahabatan dan kerjasama antara panel UNEP dan staf-staf UniMAP umumnya dan staf-staf PPKAS khususnya. Pada malam itu, seramai 33 orang tetamu UNEP telah hadir. Majlis makan malam itu, telah disempurnakan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa dan dekan-dekan Pusat Pengajian.

MAJLIS SANTAPAN MALAM TUANKU CANSOLOR BERSAMA DELEGASI UNEP

Oleh : Norazian Mohamed Noor
Pensyarah

Malam 27 Ogos, 2007 menjadi detik bersejarah bagi delegasi UNEP apabila berpeluang bertemu dan berkenalan dengan DYMM Tuanku Canselor UniMAP. Pada malam itu, satu santapan malam telah diadakan di Istana Arau. DYMM Tuanku Canselor dan DYTJM Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah sudi berangkat mencemar duli ke majlis tersebut. Tetamu-tetamu kehormat yang turut hadir pada malam itu adalah pegawai-pegawai utama universiti termasuk Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussein, ketua-ketua jabatan UniMAP dan tetamu-tetamu undangan DYMM Tuanku Canselor.

Majlis dimulakan sebaik sahaja keberangkatan tiba DYMM Tuanku Canselor dan DYTJM. Wakil UNEP, Prof. Jan C Van der Leun memberikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas sambutan yang diterima. Ianya diikuti oleh titah ucapan alu-aluan DYMM Tuanku Canselor dan majlis diteruskan dengan menikmati makan malam yang telah terhidang. Sementelaha para tetamu sedang menikmati hidangan, pelbagai aktiviti diadakan untuk mewujudkan interaksi antara para tetamu pada malam itu. Majlis ini berakhir dengan sesi bergambar kenang-kenangan di perkarangan istana. Para delegasi UNEP rata-ratanya sangat gembira atas sambutan dan layanan yang diterima.



SEKITAR LAWATAN UNEP KE PPKAS

Oleh: Norazian Mohamed Noor
Pensyarah

Delegasi *United Nation Environment Programme (UNEP)* telah tiba di Kompleks Pusat Pengajian Jawei 3 pada jam 5.00 petang. Ketibaan mereka telah di sambut sendiri oleh Naib Canselor UniMAP, Yg. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dan diiringi oleh Dekan PPKAS, Dr. Khairul Nizar Ismail dan Penyelaras Unit Kualiti, Prof. Madya Dato' Dr. Kamarudin Mohd. Nor yang juga pensyarah di PPKAS.

Setibanya di PPKAS, mereka telah dibawa melawat di sekitar makmal dan diterangkan tentang produk-produk yang telah menempa kejayaan di pertandingan-pertandingan tersohor di dalam negara dan luar. Yg. Bhg. Dato' Naib Canselor turut menerangkan kepada tetamu yang hadir tentang gambaran kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh. Lawatan tersebut diakhiri dengan jamuan minum petang di perkarangan pejabat am PPKAS. Delegasi UNEP bersiap sedia untuk berangkat ke Hotel Putra Palace untuk 'refreshment' pada jam 6.30 petang. Lawatan ini telah membuka lembaran kerjasama antara UniMAP amnya dan PPKAS khususnya dalam bidang penyelidikan.



PPKAS AT THE LAUNCHING OF NCER

By: Rangunathan Santiagoo
Lecturer

The Prime Minister, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi has officiated the Northern Corridor Economic Region (NCER) on 30th July 2007 held at Dewan 2020, Kangar. The NCER development programme is a governments initiative to accelerate economic growth and elevate income levels in the north of Peninsular Malaysia—encompassing the states of Perlis, Kedah, Pulau Pinang and the north of Perak. The NCER initiative will span from 2007 to the end of the 12th Malaysia Plan period which is 2025.

After the launching ceremony, the Prime Minister had spent some times visiting the exhibition booths on various agricultural products. UniMAP had also participated in this event with two new agricultural-based research products. PPKAS was represented by Mdm. Naimah Ibrahim with 'Palm Sorbent' and Mr. Rangunathan Santiagoo with 'Palm Composite' which attracts the attention of the Prime Minister on 'waste-to-wealth' concept in agricultural sector as one of the NCER elements.



ICoSM 2007

By: Rangunathan Santiagoo
Lecturer

The International Conference of Sustainable Materials (ICoSM) 2007 has been jointly organized by PPKAS, the School of Material Engineering and the School of Bioprocess Engineering from 9th until 11th June 2007 held at Park Royal Hotel, Penang. The conference has been an excellent platform for knowledge sharing between researchers, academicians, practitioners and industries across the nation in the areas related to the design and application in sustainable materials engineering.

The meeting with peers and leading researchers had been an immense benefit to the participants and boosted the research activities in the emerging sustainable material engineering field. Additional objectives which were possible collaborations and exchange of research ideas, increase in general awareness in the design and application areas, exposure to pursue problem relevancy and saving of time due to the availability of the already developed formulations and designs in different areas of sustainable material engineering were met. This conference included keynote address by eminent figures in the field of sustainable material engineering and technical papers presentation.



EXPERTS VISIT

By: Rangunathan Santiagoo
Lecturer

On 12th April 2007, Prof. Teng Tjoon Tow from the School of Industrial Technology, Universiti Sains Malaysia who is the visiting lecturer for the Environmental Engineering Programme has further inspires the research and development activities at PPKAS with a sensational talk on environmental issues and the future embarkation of his research areas. He was pleased to meet the lecturers and visited the laboratory facilities in place at PPKAS laboratory.

Meanwhile, on 13th June 2007, Prof. Veena Sahajwalla, the Director of Sustainable Materials Processing Programme, University of New South Wales was briefed by the PPKAS Deputy Dean on the existing research works conducted at PPKAS. Prof. Veena had also spent some times with all researchers and academicians in the sustainable environmental engineering field. This visit has initiated a two-way collaboration in which includes training and advance education programme.

PPKAS NEW STAFF

Name: Munif Bahatin
Position: Teaching Engineer
Former Job: Civil Engineer,
Erinco Sdn. Bhd
Appointment Date: 1 June 2007



Name: Husnul Azan Tajarudin
Position: Teaching Engineer
Appointment Date: 2 July 2007

Name: Ain Nihla Kamarudzaman
Position: Lecturer
Former Job: Civil Engineer
Sepakat Setia Perunding
Appointment Date: 9 July 2007



Name: Ayu Wazira Azhari
Position: Lecturer
Former Job: Trainee Manager,
LAFARGE Concrete
Appointment Date: 9 July 2007

Name: Khairudin Md. Isa
Position: Lecturer
Former Job: Environmental
Consultant, ESI
Appointment Date: 16 July 2007



Name: Roslaili Abdul Aziz
Position: Lecturer
Appointment Date: 16 July 2007

Name: Khairul Anuar Mohd Sabri
Position: Technician
Former Job: Technician, Safwan
Pest Management
Appointment Date:
3 September 2007



Name: Mohd Rozaimi Mat Din
Position: Administrative Assistant
Former Job: Executive, Maybank
Appointment Date:
3 September 2007

HARI PENDAFTARAN PELAJAR SESI 2007/2008



Oleh: Nor Innar Md. Nor
Penolong Pendaftar

Pada 1 Julai 2007 yang lalu, PPKAS buat kali keduanya menerima kemasukan pelajar untuk sesi 2007/2008. Seramai 42 orang pelajar lepasan matrik dan lepasan STPM berdaftar untuk mengikuti pengajian tahun satu manakala seramai 22 orang pelajar lepasan diploma telah mendaftar dan akan mengikuti pengajian ke tahun dua. Sesi pendaftaran ini telah berlangsung di Kolej Kediaman Kampung Wai.

Pelajar-pelajar yang mendaftar pada hari tersebut akan berada di UniMAP selama empat tahun bagi mengikuti pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan alam sekitar. Semua staf PPKAS sama ada staf akademik atau pentadbiran "turut turun padang" bagi memastikan proses pendaftaran pelajar berjalan dengan lancar. Pelajar-pelajar seterusnya dibawa ke Kolej Kediaman Wang Ulu sebelum terlibat dengan Minggu Orientasi selama seminggu.

Pelajar-pelajar kemudiannya di bawa ke pusat pengajian pada 5 Julai 2007 untuk sesi pendaftaran kursus. Mereka pada awalnya telah diberi taklimat berkenaan subjek-subjek yang perlu diambil bagi semester pertama sesi 2007/2008. Pada hari tersebut, Dekan PPKAS turut memberikan taklimat berkenaan pusat pengajian di samping memperkenalkan para pelajar dengan warga kerja PPKAS.

Anugerah Dekan Semester 1 Sesi 2007/2008

Tahun 1

1. Vishnuvarthan A/L Muniandi
2. Chen Siaw Fun

Tahun 2

1. Tang Cheng Yau
2. Pang Chan Ping
3. Nor Syazwani Che Mohamed
4. Lee Hong Chen
5. Siti Nur Fadilah Arshad
6. Lim Kok Keat
7. Clara Wong Xiang Xiang
8. Nur Husna Fuad
9. Suhaida Mohamed Arshad
10. Juliana Abdul Rahman
11. Nor Amirah Abu Seman
12. Mohd Abd Hafiz Zakaria
13. Liaw Lee Teng
14. Kasthuri A/P Kumaran
15. Noor Husaiha Hussain

Kecil TAPAK TANGAN...

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat
Jurutera Pengajar

Terletak di salah satu infrastruktur pembelajaran dan pengajaran yang terkini dan canggih, PPKAS sering menjadi tumpuan menerima kunjungan tamu yang ingin mengenali UniMAP dengan lebih dekat lagi. PPKAS sekali lagi berbesar hati apabila menerima empat lagi kunjungan daripada pelbagai peringkat dan latarbelakang ke pusat pengajian dalam tempoh Jun sehingga Disember 2007.

Seramai 40 pelajar Politeknik Johor Bahru telah dibawa melawat PPKAS pada 23 Ogos 2007. Kunjungan rasmi para pelajar yang merupakan ahli-ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar ini adalah atas jemputan Majlis Perwakilan Mahasiswa UniMAP. Pada 26 September 2007, makmal-makmal PPKAS menjadi tumpuan kepada seramai 80 pelajar aliran sains tulen diiringi seramai lapan guru pengiring dari SMK Pokok Sena, Kedah. Dan yang mutakhir, seramai 40 pelajar yang baru selesai menduduki peperiksaan PMR bersama tiga guru pengiring telah mengunjungi pusat pengajian pada 25 Oktober 2007. Di samping itu, PPKAS juga amat bertuah kerana menerima kunjungan seramai 40 pakar penipisan ozon dan perubahan iklim daripada delegasi United Nation Environment Programme (UNEP) pada 8 Julai 2007.

Selain taklimat mengenai pusat pengajian, para pelawat turut diberi taklimat mengenai bidang kejuruteraan, khususnya kejuruteraan alam sekitar. Sesi ceramah kerjaya dan demonstrasi penggunaan peralatan turut dijadikan sebagai sebahagian daripada acara lawatan. Adalah diharapkan dengan pendedahan sebegini dapat menyemai minat para tetamu selaras dengan hasrat negara untuk melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang kejuruteraan.

PPKAS ingin merakam jutaan penghargaan atas kesudian para pelawat mengunjungi pusat pengajian. Bak kata pepatah, "...kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.."

JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI 2007

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat
Jurutera Pengajar

Tidak lengkap rasanya Aidilfitri tanpa meraikannya dengan rakan sekerja. Berbekalkan semangat muhibbah dan hari raya yang masih menebal, PPKAS telah menganjurkan satu majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2007 pada 30 Oktober 2007 bersamaan 18 Syawal 1428H. Lebih 50 tetamu terdiri daripada wargakerja PPKAS dan ahli keluarga menghadiri majlis makan malam bertempat di Pejabat Am PPKAS. Para tetamu telah disajikan dengan pelbagai juadah tradisional mahupun moden sambil diperendahkan dengan lagu raya.

Majlis bermula dengan bacaan doa ringkas dipimpin oleh Encik Abdul Haqi Ibrahim, Pengerusi Rancangan PPKAS. Ini disusuli dengan ucapan pendek Dr. Khairul Nizar Ismail, Dekan PPKAS. Dalam ucapan beliau, Dr. Khairul Nizar berterima kasih kepada para tetamu atas kesudian mereka melapangkan masa menghadiri majlis tersebut. Beliau berharap agar majlis sambutan seperti ini dapat memberi peluang untuk hadirin mengenali sesama sendiri dengan lebih dekat dan mengizinkan mereka bekerjasama dengan lebih baik dalam mengharungi cabaran yang sedia menunggu pusat pengajian di masa hadapan.

Jamuan Hari Raya 2007 adalah usaha pusat pengajian untuk menghimpunkan wargakerja dan ahli keluarga dan pada masa yang sama membenarkan para tetamu hadir dalam persekitaran santai bagi memupuk perhubungan sesama yang hadir.



PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN

Oleh: Nor Innar Md. Nor
Penolong Pendaftar

Seperti tahun lepas, PPKAS turut mengambil bahagian dalam pertandingan nasyid antara jabatan-jabatan dalam UniMAP. Pertandingan nasyid pada kali ini dianjurkan oleh PPK Sistem Elektrik dan PPK Bahan.

Seramai empat belas orang staf PPKAS yang terlibat dalam pertandingan ini yang telah diadakan pada 3 Oktober 2007 bertempat di Dewan Kapitol. Program ini telah dirasmikan oleh Y. Bg Dato' Naib Canselor, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin.





Laporan Program Interaksi Di Wang Burma

Oleh: Salwa Mohd Zaini Makhtar
Pensyarah

Pada 29 Julai 2007 yang lalu, Persatuan Pelajar PPK Alam Sekitar telah mengadakan Program Interaksi yang bertempat di Wang Burma, Perlis yang melibatkan kira-kira 100 orang peserta. Tujuan utama program ini adalah untuk merapatkan hubungan antara pelajar baru dan pelajar lama serta para staf PPK Alam Sekitar disamping memberi pengetahuan dan pengalaman baru kepada semua peserta.

Secara keseluruhannya, program ini amat memberi manfaat kepada semua peserta. Disamping merapatkan hubungan sesama pelajar dan staf, program ini juga telah mencungkil bakat kreativiti para peserta dalam aktiviti merekapi bangunan, selain memupuk sifat kepimpinan dan juga sikap kerjasama dalam kumpulan.

Program ini juga sudah pasti memberi pengalaman baru yang menakjubkan kepada para peserta semasa berada di dalam Gua Wang Burma selain berpeluang menghayati keindahan flora dan fauna yang jarang didapati di tempat lain.

Selain itu, program ini telah memberi peluang kepada semua peserta untuk bertiadah sambil mengeluarkan peluh, di samping menikmati suasana yang tenang dan nyaman di atas bukit.

LAWATAN PEMERIKSA LUAR PPKAS

Oleh: Nor Innar Md. Nor
Penolong Pendaftar

Tanggal 9 Disember yang lalu, PPKAS telah menerima kunjungan pemeriksa luar buat pertama kali iaitu Dr. Abir Tabaa. Dr. Abir telah dilantik sebagai pemeriksa luar PPKAS. Beliau merupakan "reader" di Universiti Cambridge, London dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Sepanjang lawatan beliau ke sini, pelbagai program telah diatur bagi memenuhi sesi lawatan tersebut. Antaranya sesi perbincangan bersama Naib Canselor, Kol. Prof Dato' Dr. Kamarudin Hussin beserta Timbalan Naib Canselor, Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff. Di samping itu turut diadakan perjumpaan beliau bersama Dekan, Timbalan Dekan dan Pengerusi Rancangan PPKAS.

Para pensyarah dan jurutera pengajar juga turut berpeluang berkongsi idea dan pengalaman dengan beliau. Dr. Abir juga berkesempatan menyampaikan syarahan yang bertajuk 'Contaminated Land Remediation, Waste Management & Sustainable Construction Products'. Di akhir lawatan, beliau berpuas hati di atas persediaan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh staf dalam membangunkan pusat pengajian amnya dan akademik khususnya. Beliau turut menggariskan komen dan tindakan yang perlu diambil oleh staf pusat pengajian bagi tujuan kemajuan dan kecemerlangan pelajar.

Laporan Lawatan Pensyarah Pelawat Ke PPKAS

Oleh: Ayu Wazira Azhari
Pensyarah

Tanggal 7 September 2007, warga PPKAS dengan berbesar hati telah menerima kunjungan Dr. Mohd Tadza Abdul Rahman selaku Pengurus Kumpulan Aplikasi Penyurih Alam Sekitar (Landfill Technology & Groundwater Resources Management) dari Agensi Nuklear Malaysia (MINT). Beliau merupakan pensyarah pelawat bagi kursus Kejuruteraan Geoperekitaran.

Sepanjang sehari lawatan, Dr. Mohd Tadza telah menyampaikan ceramah kepada para pelajar tahun 2 PPKAS berkenaan teknologi tapak pelupusan dan pengurusan air bawah tanah. Ceramah ini bertujuan untuk memberikan pendedahan industri yang lebih luas kepada para pelajar dan pensyarah PPKAS tentang pengurusan tapak pelupusan khususnya di Malaysia.

Sesi lawatan pada kali ini turut memuatkan satu sesi diskusi di antara Dr. Mohd Tadza dengan staf akademik PPKAS di mana Dr. Mohd Tadza telah berkongsi pengalaman beliau sepanjang berkhidmat dalam bidang teknologi nuklear dan teknologi yang berkaitan dengan pemuliharaan tapak pelupusan sampah serta pengurusan sumber air tanah.



PENYERTAAN PAMERAN PECEIPTA 2007

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat
Jurutera Pengajar

Sebanyak tiga produk penyelidikan yang dijalankan di PPKAS telah menyertai Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2007 pada 10-12 Ogos 2007 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur. PECEIPTA 2007 yang bertemakan 'Innovating Towards Sustainability' telah dianjurkan secara bersama oleh Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Ini adalah penyertaan sulung para penyelidik PPKAS yang mewakili kontijen UniMAP ke pertandingan rekapiata tersebut. Produk-produk penyelidikan PPKAS diwakili oleh Encik Saiful Azhar Saad melalui 'SposSORB:

Biodegradable Adsorbents For Oil And Grease Removal' dan 'Sugarsorb®: Physical Treated Sugarcane Bagasse As Adsorbents For Treatment Of Dyes Polluted Wastewater' dan Puan Norazian Mohamed Noor melalui 'INTELL-E (Intelligent Estimator)'.

Jumlah penyertaan kontijen UniMAP ke PECEIPTA 2007 adalah sebanyak 27 produk penyelidikan. Pada hari terakhir pameran, produk penyelidikan 'SposSORB: Biodegradable Adsorbents For Oil And Grease Removal' telah mendapat anugerah pingat gangsa. Keseluruhannya, kontijen UniMAP telah berjaya membawa pulang 10 pingat iaitu satu emas, empat perak dan lima gangsa dan menduduki tangga keenam senarai kedudukan pingat daripada 23 institusi pengajian tinggi yang telah mengambil bahagian.



KEGEMILANGAN SUKAN STAF KE-32

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat
Jurutera Pengajar

Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukan Staf) ke-32 yang

berlangsung dari 16 sehingga 23 Jun 2007 di mana UniMAP menjadi hos kejohanan menyaksikan beberapa atlet wargakerja PPKAS berentap merembes kegemilangan. Penyertaan atlet PPKAS yang mewakili kontijen UniMAP didominasi dalam acara olahraga, bola tampar dan ping pong.

